



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**SESI RAMAH MESRA YB MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT BERSAMA
KUMPULAN SASAR DI PUSAT PERKEMBANGAN
KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PPKK) SERENDAH,
SELANGOR**

18 MEI 2023 (KHAMIS)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Terima kasih Saudara/i Pengacara Majlis:

(SALUTASI)

YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu
Timbalan Menteri KPWKM

YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff
Ketua Setiausaha KPWKM

YBrs. Encik Noor Saidi bin Muda
Pengarah Pembinaan Bertingkat
Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.

Pegawai-pegawai KPWKM, JKM, JKM Negeri Selangor,
PPKK Serendah, MRT Corporation Sdn. Bhd. serta MMC
Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn. Bhd.

Anak-anak daripada Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan (PPKK) Serendah,

Seterusnya sidang hadirin yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan Rahmat-Nya, kita dapat bertemu di Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan (PPKK) Serendah sempena Majlis Perasmian Dua (2) Blok Bengkel serta mengadakan Sesi Ramah Mesra Bersama anak-anak dan juga warga kerja PPKK Serendah.
2. Walaupun kita sudah menghampiri penghujung bulan Syawal, belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua.
3. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Sesungguhnya, kehadiran dan sokongan anda

semua terhadap program ini amat bermakna dalam menyokong usaha Kerajaan dalam penyediaan perkhidmatan bagi pemeliharaan, pelindungan, pemulihan dan perkembangan kanak-kanak.

4. Di kesempatan ini, saya juga mengalu-alukan kehadiran Wakil MRT Corporation Sdn. Bhd. dan MMC Gamuda selaku rakan kerjasama strategik untuk majlis pada hari ini. Untuk makluman semua, MRT Corp. telah berjaya memenuhi obligasi bagi menggantikan sebahagian tanah JKM yang terlibat dalam jajaran Projek MRT Laluan 2: Putrajaya Line di Taman Naga Emas, Salak Selatan. Saya difahamkan selain daripada dua blok bengkel di sini, pihak MRT Corp turut menyediakan Bengkel Sementara di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Hadirin yang dihormati,

INSTITUSI KANAK-KANAK JKM

5. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak sentiasa menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan keutamaan.
6. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha untuk memastikan halatuju dan masa depan yang lebih baik bagi lepasan institusi kanak-kanak JKM termasuk mereka yang tidak mempunyai waris. Antara perkhidmatan yang disediakan kepada penghuni adalah jagaan dan perlindungan, kaunseling dan bimbingan, pelajaran akademik dan kemahiran/vokasional, pendidikan agama/moral dan sukan/riadah.
7. PPKK Serendah, Selangor merupakan salah sebuah Rumah Kanak-Kanak (RKK) dan institusi Tempat Selamat di bawah kendalian JKM khusus kepada kanak-kanak lelaki berusia antara 12 tahun hingga 18 tahun yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan di bawah Seksyen 17(1) Akta Kanak-Kanak 2001. PPKK juga telah diwartakan sebagai salah sebuah “tempat selamat” di bawah Akta Kanak-Kanak tersebut.

8. Institusi ini mempunyai kapasiti sebanyak 120 orang pada satu-satu masa. Saya difahamkan pada masa ini, seramai 74 orang kanak-kanak lelaki ditempatkan secara tetap di sini dan turut bersama-sama kita pada hari ini.
9. Kesemua kanak-kanak ini juga diberi peluang untuk bersekolah di sekolah sekitar PPKK Serendah dan bagi kanak-kanak yang tidak bersekolah mereka akan mengikuti latihan kemahiran di dalam institusi.
10. Projek pembinaan dua blok bengkel ini mula dijalankan pada 9 Disember 2020 oleh *Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp.) Sdn. Bhd.* dengan melantik MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn. Bhd. selaku pengurus projek. Bangunan ini telah diserahkan kepada pihak Kementerian dan JKM pada 30 Mac 2023.
11. Projek Pembinaan Dua (2) Blok Bangunan Bengkel di PPKK Serendah menawarkan empat (4) latihan kemahiran iaitu elektrik, jahitan, pembaikan automotif (motosikal) dan Teknologi Maklumat (ICT).

12. Saya percaya latihan di sini bukan sahaja dapat membantu negara menyediakan tenaga kerja yang berfungsi dan produktif malah dapat menerapkan pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan anak-anak kita di sini.

Hadirin sekalian,

13. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kementerian, JKM, MRT Corporation, MMC Gamuda dan semua pihak terlibat kerana telah melaksanakan projek ini dengan jayanya.

14. Buat anak-anak Malaysia yang ada di hadapan saya ini, jangan sesekali putus asa dalam mengejar ilmu dan kemahiran. Sentiasa beringat untuk melakukan perkara-perkara yang membawa manfaat kepada diri sendiri dan orang sekeliling kamu. Manfaatkanlah sepenuhnya kemudahan yang ada ini agar kita sama-sama membina negara yang maju bersama.

PENUTUP

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, MAAF ZAHIR BATIN dan dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, saya merasmikan Dua (2) Blok Bengkel dan Sesi Ramah Mesra YB Menteri Bersama Kumpulan Sasar KPWKM di Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan (PPKK) Serendah pada hari ini.

16. Terima kasih kepada pihak Kementerian dan JKM serta rakan kolaborasi strategik kita yang telah berganding bahu dalam menjayakan program pada hari ini. Besarlah harapan saya agar kerjasama ini dapat diteruskan serta diperluaskan pada masa akan datang

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Terima kasih.